

# **JEJAK WARISAN PAHANG PENCETUS TAMADUN PEMBANGUNAN MODAL INSAN HOLISTIK<sup>1</sup>**

Abd Jalil Borham  
jalil@ump.edu.my

## **1.0 Pendahuluan**

Menoleh ke belakang, melihat, menghimbau atau menjelaki sejarah adalah satu langkah bijak bagi memahami perkembangan lepas untuk diambil sebagai teladan dan sempadan. Membetul, melurus, dan meneguhkan segala apa yang wajar demi masa depan sesebuah bangsa dan negara. Sejarah memberi iktibar kepada masyarakat sejagat, kerana adanya hari ini membuktikan adanya semalam, dan adanya akan datang kerana adanya hari ini. Sememangnya tidak akan rugi jika sekali-kali menoleh ke belakang melihat masa lalu, merenungi zaman silam; apatah lagi melihat dan merenung untuk menimba pengalamannya.

Sesebuah negara dan bangsa yang besar dan berdaulat memang mempunyai sejarah hebat bangsa dan negaranya. Namun begitu kehebatan sejarah bangsa dan negara itu tidak memberi sebarang makna dan erti jika negara dan bangsanya tidak mengambil peduli daripada pengalaman sejarah tersebut. Oleh itu sebagai bangsa yang berdaulat, tiap-tiap seorang daripadanya berkewajiban mengetahui sejarah, menghayati dan mengambil teladan serta iktibar daripada sejarah, lebih-lebih lagi sejarah negara sendiri. Melihat peri pentingnya sejarah negara ini dihayati, maka kertas kerja yang bertajuk “Jejak Warisan Negeri Pahang Darul Makmur” akan menyelusuri sejarah Pahang sejak awal dan seterusnya berusaha memasukkan Pahang dalam peta warisan dunia UNESCO.

## **2.0 Sejarah Pahang**

Sejarah Pahang bermula sebelum didirikan kerajaan Melayu Melaka, wilayah bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu semuanya termasuk dalam kawasan kerajaan Pahang. Orang Jawa Majapahit zaman dahulu menyebut Semenanjung Tanah Melayu sebagai Pahang sahaja. Pada awal kurun ke 16 Masihi, pada permulaan terdirinya kerajaan Melayu Johor, sempadan Pahang; di sebelahnya sampai ke Sedili Besar dan di utara sampai ke Terengganu; sempadan ke baratnya pula sampai ke Rembau, Selangor dan Perak. Pahang sekarang ini di sebelah utara dan baratnya dilingkungi oleh banjaran gunung dan di sebelah timurnya terbentang Laut China Selatan (Buyong Adil: 1984).

Negeri Pahang Darul Makmur ialah sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu dengan keluasan 35,515 kilometer persegi. Kemasyhuran dan kehebatan namanya pada masa dahulu menjadi rebutan kerajaan yang ada di sekelilingnya. Pada masa ini Pahang adalah negeri di Semenanjung dengan terbahagi kepada sebelas daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Jerantut, Bentong, Raub, Lipis, Cameron Highlands dan Bera. Manakala penduduknya pula terdiri dari berbagai kaum dan bangsa (Kementerian Penerangan Komunikasi & Kebudayaan: 2002).

---

<sup>1</sup> Kertas Kerja Ucaptama Seminar Kebangsaan Jejak Warisan Negeri Pahang: Wacana Mengingati Sejarah Ke Arah Kecemerlangan Masa Depan, Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang pada 24hb September 2010.

### **3.0 Asal Usul Nama Pahang**

Pada zaman dahulu Pahang mempunyai berbagai nama. Catatan China menyebutnya sebagai Pang-Hang, Peng-Heng, Pang-Heng, Pong -Fong, Phe-Hang, Pang-Kang dan lain-lain. Pada tahun 1225 Chao Ju-Kua telah mengarang sebuah buku bernama Chu-Fan-Chi, beliau menyatakan antara beberapa buah negeri yang ditakluki di bawah kuasa San-Fu-Chi atau Sriwijaya ialah negeri yang bernama Peng-keng atau Pahang (Friedrich Hirth & W.W. Rockhill: 1911).

Orang Arab dan orang Eropah zaman dahulu menyebut Pam, Pan, Phang, Paam, Pao, Paon, Phaan, Paham, Fanhan, Phang dan Pahagh. G.R. Tibbetts, seorang ahli sejarah yang mengulas kisah yang ditulis buku karangan penulis Arab, Mas`udi berpendapat nama-nama tersebut ialah Pahang (G.R. Tibbetts: 2002). Beliau lebih bersetuju menyebut perkataan Fanjab itu sebagai Fanhan, Panghang atau Panhang. Semuanya itu dimaksudkan dengan Pahang. Ada setengah pendapat menyatakan Pahang berasal dari bahasa Siam dan Khmer yang bermaksud timah. Orang Siam dahulunya pernah mendiami negeri ini dan membuka lombong bijih timah terutama di Sungai Lembing.

Mengikut cerita orang tua-tua Melayu pula, pada zaman dahulu di Sungai Pahang iaitu bertentangan dengan Kampung Kembahang, ada sebatang pokok kayu mahang yang besar rebah melintang menyeberangi sungai itu. Oleh kerana pokok itu amat besar sehingga nampak dari Laut China Selatan dan menjadi pedoman kepada lanun-lanun di laut untuk merompak penduduk negeri itu. Bagi tujuan keselamatan pemerintah Pahang ketika itu telah mengarahkan pokok itu ditebang. Akhirnya seramai tujuh orang batin Orang Asli telah sanggup untuk menebang pokok itu dan mengambil masa tujuh hari tujuh malam untuk menumbangkan pokok raksasa itu. Setelah tumbang, pangkal pokok mahang itu dikatakan dapat memuatkan sebanyak 40 hidangan. Setelah pokok itu tumbang, ketujuh-tujuh orang batin tersebut meninggal dunia (Mohamed Roselan Abdul Malek: 1998).

Daripada peristiwa itu, sungai yang mengalir berhampiran dengan pokok itu dinamakan Sungai Mahang dan negerinya pula dinamakan Mahang. Tetapi lama-kelamaan sebutan itu bertukar menjadi Pahang dan kekal sehingga hari ini Dari pokok mahang itu kononnya berasal nama Pahang. Dalam Hikayat Hang Tuah dan lain-lain catatan lama, Pahang dirujuk sebagai ‘Indera Pura’ dan ibu negerinya ialah Pekan. Hingga ke hari ini Pekan dikenali sebagai Bandar Diraja. Sebelum ditakluk oleh kerajaan Melayu Melaka ia dikenali sebagai Pura (Buyong Adil: 1984).

### **4.0 Pahang Zaman Pra-Sejarah**

Penyelidikan telah dibuat oleh ahli kaji purba secara ilmiah di beberapa tempat di Pahang iaitu di gua-gua batu, di gunung-gunung, di tempat berhampiran dengan sungai, di tanah perlombongan lama dan juga di tempat lapang. Penemuan barang-barang purba terdiri daripada batu, tembikar, gangsa dan besi kuno buatan orang zaman purbakala.

Tempat tersebut ialah di gua batu kapur seperti Kota Tongkat, Kota Gelanggi dekat Jerantut; Gua Kecil, Raub; Gunung Senyum; Bukit Chintamanis, Karak; Sungai Lembing, Tersang, Kuala Lipis Sungai Selinsing Sungai Tui, Nyong, Teluk Lubuk Puai, Batu Pasir Garam, Bukit Jong dan Kg. Padi di persimpangan Sungai Tembeling dan beberapa tempat lagi di sepanjang Sungai Pahang. Antara benda purba yang dijumpai tertanam dalam tanah di

negeri ini ialah barang dan perkakas yang dibuat daripada batu oleh orang zaman batu pertengahan (mesolithic). Barang-barang tersebut ialah kapak genggam, beliung dan pahat.

Ahli kaji purba menyatakan manusia zaman batu pertengahan yang mendiami Pahang tinggal di gua batu dan gua-gua di gunung-ganang negeri ini dan mereka adalah kumpulan yang mula-mula datang ke Semenanjung Tanah Melayu dan Tanah Besar Benua Asia. Rombongan Melayu Proto mendiami Semenanjung termasuk Pahang dan pulau-pulau Nusantara ialah dalam lingkungan 3,000 atau 2,000 sebelum Masehi (D.G.E Hall: 1964).

Dari aspek pertanian, barang dan perkakas buatan orang zaman batu akhir yang telah dijumpai dalam tanah ialah benda yang berupa mata lembing, pisau, sabit, cangkul, tenggala dan lain-lain perkakas ganjil yang dibuat daripada besi zaman dahulu. Tempat yang dijumpai terutamanya di tepi Sungai Lembing, Teluk Lubuk Puai Jong tepi Sungai Lipis. Di Kampung Batu Pasir Garam di tepi Sungai Tembeling, dijumpai pecahan muka gendang zaman dahulu yang diperbuat daripada gangsa. Gendang gangsa ini digunakan oleh orang yang memakai kebudayaan gangsa. Dr. Linehan berpendapat gendang gangsa ini ditukangi di Indo-China dan dibawa dari negeri Funan ke Ulu Tembeling antara kurun Masihi ketiga iaitu dibawa bersama-sama dengan perkakas dari besi kuno (tulang mawas).

Mengikut ahli kaji manusia dan ahli sejarah, orang Melayu pesisir (Deutro Malays) ialah nenek moyang orang Melayu yang tinggal di daerah pantai Semenanjung Tanah Melayu. Pendek kata pada zaman dahulu kala selain daripada orang asli iaitu orang Semang dan puaknya di Pahang telah didiami oleh manusia yang disebut dalam ilmu sejarah sebagai manusia zaman batu pertengahan, zaman batu akhir atau permulaan zaman gangsa lagi (Omar Amin Husin: 1962).

## 5.0 Pusat Pentadbiran Pahang

Inggeris telah meluaskan kuasanya ke Pahang pada tahun 1888 dan Residen pertamanya iaitu J.P.Rodger telah dilantik dalam bulan Oktober 1888. Perkara utama yang diberikan perhatian oleh Inggeris ialah menentukan tempat letaknya pusat pentadbiran Pahang. Tiga tahun kemudian iaitu dalam tahun 1891 pusat pentadbiran ini dipindahkan dari Pekan ke Lipis. Rancangan ini hanya untuk buat sementara sahaja tetapi rancangan yang dikatakan sementara itu telah memakan masa lebih dari 64 tahun kerana pusat pentadbiran Pahang hanyalah dipindahkan ke Kuantan pada tahun 1955.

Cadangan untuk pemindahan pusat pentadbiran ini telah dibuat semenjak tahun 1901 lagi, tetapi keputusan muktamad untuk memindahkan pusat pentadbiran Pahang dari Kuala Lipis ke Kuantan diambil pada 2 Mac 1953. Bagi memilih tempat yang bersesuaian bagi pusat pentadbiran Pahang, pihak kerajaan negeri telah memusatkan pandangannya kepada dua kawasan iaitu Temerloh / Mentakab dan Kuantan. Tetapi disebabkan bentuk mukabumi Temerloh / Mentakab yang tidak rata dan memerlukan perbelanjaan yang besar untuk pembangunannya maka Kuantan telah diputuskan untuk dijadikan ibu negeri Pahang.

Pusat pentadbiran Pahang telah dipindahkan ke Kuantan pada hari Sabtu 27 Ogos 1955 dengan dirasmikan oleh KDYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Muadzam Shah Ibni Al Marhum Al Sultan Abdullah Al Mu'tasim Billah, DK., SIMP., DK., SIMP., DK(Brunei), DK(Johor), DK(Perak), SPDK(Sabah), GCMG. Pada 28 Februari 1970, bangunan pusat pentadbirannya telah diletakkan di Wisma Sri Pahang (ibid: 1984).

Pahang juga mempunyai ramai pahlawan dan pendekar yang berjuang menentang penjajah di waktu sebelum kemerdekaan. Antara yang terkenal ialah Datuk Bahaman, Mat Kilau, Tok Gajah, dan Pawang Nong. Pahang juga merupakan negeri melayu sejati seperti Kelantan, Kedah dan Terengganu.

## 6.0 Sistem Perhubungan Awal Di Pahang

Pada zaman dahulu di Pahang sungai-sungai seperti Sungai Pahang, Sungai Kuantan, Sungai Bebar, Sungai Rompin, Sungai Endau, Sungai Tembeling, Sungai Jelai, Sungai Semantan dan cawangan-cawangan sungai serta beberapa buah sungai kecil yang lain telah digunakan sebagai jalan perhubungan. Begitu juga perhubungan antara Pahang dan negeri-negeri lain di sekitarnya. Orang yang hendak pergi ke Kelantan hendaklah mengikut Sungai Tanum anak Sungai Jelai atau ikut Sungai Sat dan Sungai Sepia, kedua-duanya adalah anak Sungai Tembeling. Sungai Sepia juga boleh digunakan jika hendak pergi ke Terengganu. Perhubungan dengan Perak pula dihubungi oleh jalan-jalan yang lebih sukar iaitu mengikut Sungai Bertam dan Sungai Lipis. Kedua-duanya adalah anak Sungai Jelai. Perhubungan dengan Selangor pula hendaklah melalui Sungai Semantan dan cawangannya.

Jalan utama yang digunakan di zaman dahulu ialah jalan yang menghubungkan Pahang dengan daerah-daerah di Hulu Muar dan Melaka. Jalan ini dari Pahang mengikut (mudik) Sungai Pahang; kemudian masuk ke sebuah anak Sungai Pahang yang bernama Sungai Bera, selepas itu mengikut pula sebuah anak Sungai Bera bernama Sungai Serting. Pada suatu tempat di hulu Sungai Serting, naik ke darat sejauh tiga ratus ela, masuk pula Sungai Jempol, menghilir Sungai Jempol dan masuk ke Sungai Muar. Dari Muar bolehlah pergi ke Melaka dan tempat-tempat lain di barat Semenanjung Malaysia. Jalan inilah yang telah diikuti oleh Sultan Mahmud Shah Melaka dan putera baginda Sultan Ahmad setelah ia dikalahkan oleh orang-orang Portugis di Pagoh dan Bentayan (Kuala Muar) pada akhir tahun 1511. Jalan ini juga yang digunakan oleh Sultan Ali (putera Sultan Husain Shah Singapura) dari Kampung Umbai, Melaka yang pergi berjumpa Bendahara Wan Ahmad di Pahang (Pekan) pada tahun 1863. Manuel Godinho de Erédia, seorang pengarang dan pegawai Portugis di Melaka (tahun 1613) menyatakan: "Dari Melaka jalan menempuh Penarikan itu boleh sampai ke Pahang (dan sebaliknya), hanya enam hari perjalanan".

Perahu jalak telah digunakan bukan sahaja membawa kargo dan barang-barang tetapi juga untuk membawa penumpang. Jalak boleh memuatkan dua belas penumpang dan lebih kurang 15 tan kargo. Dari Kuantan ke Kuala Pahang sewa yang dikenakan untuk satu perjalanan ialah \$25.00. Syarikat Lombong Bijih Timah Sungai Lembing (PCCL) telah memulakan perkhidmatan harian antara bandar Kuantan dan Pasir Kemudi. Dari Pasir Kemudi penumpang dan kargo dibawa dengan keretapi ke Sungai Lembing. Sebelum siap jalanraya dari Jerantut ke Kuantan, pegawai di Ulu Pahang yang hendak ke Kuantan akan menggunakan perahu atau rakit menghilir Sungai Pahang atau untuk pergi ke Pekan.

Setelah beberapa tahun kerajaan Inggeris mentadbir Pahang, usaha membina jalanraya pun dimulakan. Pada penghujung tahun 1910 jalan sepanjang 18 batu dari Kuantan menuju Ulu Pahang siap dibuka kepada orang ramai. Feri mula dibuka dan digunakan oleh orang ramai pada 5 September 1910 di Kuantan. Dalam tahun 1918 jalan raya Jerantut-Kuantan dapat dihubung terus ke Kuala Lipis. Hujung tahun 1933, jalan raya dari Pekan ke Kuantan dibuka dengan rasminya. Kemudahan perhubungan negeri ini terus maju dengan banyaknya

pembinaan jalan raya, jambatan dan lapangan terbang serta pelabuhan. Kesemuanya ini dapat memendek dan memudahkan perjalanan serta perhubungan antara satu tempat dengan satu tempat di Pahang dan negara-negara jiran seperti Singapura di sebelah selatan dan Thailand di sebelah utara (ibid: 1984).

## **7.0 Pahang Dalam Catatan Sejarah**

Berlaku hubungan di antara pedagang-pedagang Asia barat dengan nusantara sejak sebelum abad ke lima masih lagi (G.R Tibbetts: 1957). Mereka juga mengadakan hubungan perdagangan dengan China (Victor Purcell: 1947). Walaupun pada ketika itu terdapat jalan perdagangan darat di antara Asia Barat dan China tetapi jalan tersebut dikatakan kurang selamat dan begitu sukar (J.V. Mills: 1974). Sebagai alternatifnya mereka menggunakan jalan laut ke China dengan melintasi pantai India dan Asia Tenggara mengikut angin monsun (J.A.E Morley: 1949). Mereka menetap sementara dan ada yang terus tinggal menetap, berkahwin dengan penduduk tempatan dan meninggal dunia dan dikeluarkan di kawasan tersebut. Di Pahang terdapat sebuah batu nisan di Teluk Cik Munah, Permatang Pasir, Pekan tertulis ayat-ayat al-Quran dan syair Arab di samping terdapat tarikh si mati meninggal dunia pada waktu subuh hari Rabu 14 Rabiul awal tahun 419 hijrah. Menurut W. Linehan, Islam telah dijadikan agama rasmi Pahang pada tahun 1450 masih (W. Linehan: 1936; Abdullah Ishak: 1990). Di nusantara beberapa pelabuhan terkenal ketika itu ialah Barus (kapur barus), Kalah (Kedah = pelindung), Panghang (Pahang = timah), Tiyuman (Tioman = air bersih) dan Melaka (Malaqah = pusat perdagangan). (Dr. Omar Amin Hussin: 1962)

## **8.0 Islam Agama Rasmi di Pahang**

Tidak ada ahli sejarah yang dapat memastikan status sebenar agama penduduk Pahang sebelum tahun 1457M, kerana pada waktu itu negeri Pahang diperintah oleh Maharaja Dewasura, iaitu wakil kerajaan Siam di Pahang. Terdapat di kalangan ahli sejarah mengatakan orang-orang Pahang asalnya menganut agama Buddha Mahayana. Ini kerana mereka mengamalkan upacara penyembahan berhala di samping melakukan pengorbanan manusia.

Kenyataan ini disokong kuat oleh fakta yang mengatakan bahawa negeri Pahang telah dijajah oleh Kerajaan Siam yang menganut agama Buddha sebelum dikalahkan oleh Kerajaan Melaka pada tahun 1454M. Setelah Kerajaan Melaka menakluki negeri Pahang, ia telah diperintah oleh Raja Melayu Melaka selama 150 tahun. Telah menjadi kemestian dalam masyarakat Melayu pada waktu itu apabila raja yang memerintah beragama Islam maka agama tersebut akan turut dianuti oleh semua rakyat jelata.

Ahli-ahli sejarah negeri Pahang mengatakan agama Islam dijadikan sebagai agama rasmi di negeri Pahang pada pertengahan abad ke-15 iaitu dari tahun penaklukan Melaka hingga ke zaman Sultan Mahmud Shah 1 iaitu sultan Pahang yang pertama dari keturunan raja Melaka. Sejak dari tarikh tersebut kedudukan Islam semakin kuat di negeri Pahang. Pada pertengahan abad ke-16 orang-orang Minangkabau yang datang dari Sumatera Indonesia telah berpindah beramai-ramai ke negeri Pahang. Mereka telah menganut agama Islam lima abad lamanya lebih awal daripada penduduk negeri Pahang. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan Jelai dan di sepanjang Sungai Pahang hingga sampai ke Luit.

Sekiranya kita menyusur kembali sejarah di Pahang, tidak dapat kita melihat kepada perkembangan Islam yang positif. Kewujudan Hukum Kanun Pahang yang berasaskan Hukum Kanun Melaka merupakan satu bukti bahawa agama Islam telah lama bertapak di negeri Pahang, iaitu sekitar tahun 1592, di bawah pentadbiran Sultan Abdul Ghafur Mohaidin Shah. Berdasarkan sejarahnya, politik-politik atau negeri-negeri Melayu memiliki kanun perundangan yang berasaskan adat Melayu dan hukum syariah (undang-undang Islam). Negeri-negeri Melayu seperti Melaka memilik Hukum Kanun Melaka (undang-undang daratan) dan Undang-Undang Laut Melaka (undang-undang lautan); di Johor dengan Undang-undang Johor dan kemudiannya, Undang-undang Tubuh Negeri Johor 1895; di Pahang dengan Hukum Kanun Pahang 1592; di Kedah dengan Undang-Undang Kedah; di Perak dengan Undang-Undang 99 Perak dan Undang-undang Keturunan Daripada Turun Negeri Perak; di Terengganu dengan Perlumbagaan Negeri Terengganu, 1911 (Itqan al-Mulk); dan di Negeri Sembilan diamalkan hukum adat dan undang-undang adat yang terdapat di empat buah negeri (daerah) iaitu di Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Jelebu (Abd Jalil Borham: 1993).

Baru-baru ini dalam Seminar Tahun Pengasasan Kerajaan Melayu Melaka di Melaka pada bulan April 2010 telah wujud penemuan baru yang mengatakan bahawa Zaman Kesultanan Melaka yang diasaskan oleh Parameswara wujud dalam 30 tahun lebih awal daripada kerajaan Majapahit di pulau Jawa yang diasaskan pada tahun 1292 sebelum kedua-duanya bersaing mengusai rantau Nusantara. Penemuan yang diperakukan oleh 9 penyelidik tempatan yang dilantik kerajaan negeri Melaka sekaligus menolak tarikh yang diumumkan sebelum ini iaitu tahun 1278. Mereka merumuskan sejarah penubuhan kerajaan Melayu Melaka diasaskan pada tahun 1262 dan bukannya pada tahun 1400 yang menjadi sumber rujukan selama ini. Fakta ini menunjukkan bahawa kewujudan Kerajaan Pahang di bawah Melaka dan Hukum Kanun Pahang yang mempunyai pengaruh Melaka juga berkemungkinan terlaksana lebih awal daripada tahun 1592. (<http://resam-melayu.com/2010/06/penemuan-baru-melaka-diasaskan-tahun-1262-dan-bukan-1400.html>).

Mukadimah Hukum Kanun Pahang (HKP) menyatakan bahawa sistem kerajaan Kesultanan Pahang adalah untuk "menjaga manfaat terhadap negeri agar sultan-sultan boleh memelihara segala rakyat dan pada saat yang bersamaan, sultan-sultan mengadakan pembesar untuk menggantikan baginda dan tidak menyulitkan baginda". Sultan ialah puncak kuasa yang dibantu oleh bendahara, temenggung, penghulu bendahari, dan shahbandar. Hukum Kanun Pahang memerincikan perbuatan yang diharamkan dalam sistem kerajaan ini, termasuklah sikap tidak hormat terhadap kedudukan Sultan. Baginda perlu dihormati kerana statusnya dianggap sebagai "suci". Menurut Hukum tersebut, sebarang penggunaan Hulu Keris Merumbai dan perlengkapan berwarna kuning diharamkan. Lima patah perkataan, iaitu titah, patik, murka, kurnia, dan anugerah, juga tidak boleh dituturkan oleh orang ramai, kecuali Sultan (Kempe, J. E. & Winstedt, R. O: 1948)

## 9.0 Perkembangan Agama Islam di Pahang

Pada tahun 22 Jun 1932 KDYMM Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah telah mangkat dan diganti oleh KDYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al- Muadzam Shah pada 28 Mei 1933. Baginda Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah telah memerintah Negeri Pahang Darul Makmur selama 41 tahun. Pada 5 Mei 1974 Baginda mangkat dan digantikan oleh KDYMM Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Semasa hayatnya, KDYMM Sultan Abu Bakar amat menitikberatkan perkembangan dan pembangunan agama Islam. Undang-

undang Islam sentiasa diperkemaskan, malah Baginda sering memperingatkan rakyat jelata dalam titah-titahnya agar sentiasa berpegang dengan ajaran agama.

Pada masa pemerintahan Baginda, agama Islam telah dikanunkan sebagai agama rasmi negeri dan Majlis Anggota Islam atau kini dinamakan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah diperkenalkan. Baginda bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang sembahyang Jumaat ke atas rakyat jelata. Pada masa pemerintahannya Baginda menggalakkan rakyat jelata menuntut ilmu-ilmu agama di Mesir dan Mekah, menubuhkan sekolah Arab Tinggi pada tahun 1941 dan pelbagai usaha lagi dijalankan dalam memacu perkembangan agama di Pahang.

Usaha-usaha mengembangkan ajaran agama diteruskan oleh anakanda Baginda KDYMM Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang memerintah Negeri Pahang Darul Makmur sejak 1974 hingga sekarang. Kini Negeri Pahang Darul Makmur terkenal antara negeri yang mempunyai perundangan Islam yang baik dan kemas di samping terdapatnya institusi keagamaan yang tersusun dan teratur setanding dengan negeri-negeri lain. Pada tahun 1982, Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 telah dikanunkan. Di bahagian pendahuluan dinyatakan; *"Suatu Enakmen untuk meminda dan menyatukan undang-undang mengatur dan mentadbir hal ehwal Ugama Islam dan menubuhkan satu Majlis untuk menolong dan menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan semua perkara mengenai Ugama Negeri dan Adat resam Melayu Pahang"*.

Kewujudan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) sebagai satu institusi pendidikan yang berteraskan Islam di Negeri Pahang Darul Makmur adalah dengan restu dan perkenan KDYMM Sultan Pahang sebagai pemerintah serta Ketua Agama Islam dan Adat Resam Melayu di negeri ini (Buletin Al-Ta'lif KIPSAS : 2008).

## 10.0 Kesimpulan

Jejak warisan negeri Pahang menjadi saksi bahawa kewujudan tamadun terdahulu amat mementingkan pembangunan modal insan dalam aspek politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain. Hakikat kecemerlangan umat dalam bidang Ilmu dinukilkilan dengan kata-kata yang memberangsangkan oleh Muhammad Asad dalam karyanya yang berjudul "*Islam At The Crossroads*" (1982 : 66-67) bahawa:

*History proves beyond any possibility of doubt that no religion has ever given a stimulus to scientific progress comparable to that of Islam. The encouragement which learning and scientific research received from Islamic theology resulted in the splendid culture achievement in the day of the Umayyad and Abbasids and the Arab rule Sicily and Spain. I do not mention in order that we might boast of those glorious memories at a time when the Islamic world has forsaken its own tardyons and reverted to spiritual blindness and intellectual poverty. We have no right, in our present misery, to boast of past glories. But we must realize that it was the Muslim and not any defiance in the teachings of Islam that cause our present decay... Islam has never been barrier to progress and science.* (Muhammad Asad, 1982 : 66-67)

Sementara laporan tahunan UNESCO 1982 menyatakan bahawa banyak negara telah pun mengambil serta menerima tujuan-tujuan pendidikan yang luhur serta kaedah-kaedah yang termaktub dalam pendidikan seumpama konsep darjah manusia untuk mencapai

kesempurnaan kemanusiaan melalui pendidikan dan konsep pendidikan seumur hidup. (Al-Kilani Majid, 1985: 254). Jatuh bangun sesebuah bangsa dan negara itu bergantung sepenuhnya kepada kualiti yang ada pada sumber manusianya. Justeru, agenda pembangunan sumber manusia perlu diutamakan dalam proses pembangunan sesebuah negara kerana ia adalah pemangkin yang bakal mencorak tahap kemajuan dan kemunduran bangsa itu.

## Rujukan

- Abd Jalil Borham (1993), *Sejarah Perundangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Amal.
- Abdullah Ishak (1990), *Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: al-Rahmaniah.
- Ali, `Abdullah Yusuf (1993). *The Meaning of The Holy Qur'an*. Brentwood, Maryland: Amana Corporation.
- Asad, Muhammad, (1982). *Islam At The Crossroads*, Gibraltar: Dar al-Andalus Limited.
- Buyong Adil (1984), *Sejarah Pahang*, Cet. 2., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chau Ju-kua his work on the Chinese and Arab trade in the twelfth and thirteenth centuries, entitled *Chu-fan-chi* translated from the Chinese and annotated by Friedrich Hirth and W.W. Rockhill (1911) by Imperial Academy of Sciences in St. Petersburg.
- Hall, D.G.E. (1964), *A History of South East Asia*, London: MacMillan.
- Kempe, J. E. & Winstedt, R. O.(1948). *A Malay Legal Digest Compiled for Abd al-Ghafur Muhaiyuddin Shah, Sultan of Pahang 1592-1614 A.D.* with Undated Edition. JMBRAS 21(1):23-62.
- Linehan, W, (1936), *A History of Pahang*, Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Volume XIV, Part 2.
- Mills, J.V, (1974), *Arab and Chinese Navigators in Malaysian Waters in about A.D 1500*, JMBRAS, vol. 47, Part II.
- Mohamed Roselan Abdul Malek (1998), *Negeri Pahang Darul Makmur*, Petaling Jaya:Oscar Book International.
- Mohd Zawawi bin Zainal Abidin (2008), *Keperihatinan Istana Dalam Pembangunan Islam di Pahang dan Penubuhan KIPSAS*, dalam Majalah Ta'lif bil. 1 Ogos 2008, Kuantan: Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.
- Morley, J.A.E, (1949), *The Arabs and the Eastern Trade*, JMBRAS vol. XXII, Part I.
- Muhammad Hafiz bin Dato' Hj. Yaakub (2008). *KIPSAS Lahir Dari Idea Para Ulama Pahang*, dalam Majalah Ta'lif bil. 1 Ogos 2008, Kuantan: Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.
- Omar Amin Hussin, Dr. (1962), *Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu*, Qalam, Singapura.
- Tibbetts, G.R (1957), *Early Muslim Traders in South-East Asia*, JMBRAS vol. Xxx, Part I, 1.
- \_\_\_\_\_, (2002), *Arab Navigation in the Indian Ocean before the Portuguese*, 1 edition.
- Victor Purcell (1947), *Chinese Settlement in Malacca*, JMBRAS vol. Xx, Part I.